

# PM mahu rakyat sentiasa pupuk keamanan

UM - 11/5/2007

PUTRAJAYA 30 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan rakyat Malaysia supaya sentiasa memupuk keamanan dan kestabilan yang dikecapi sekarang kerana kealpaan akan memusnahkan keharmonian dan perpaduan yang sudah lama terjalin.

"Jika ini berlaku, adalah mustahil untuk kita membinanya semula," kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena Hari Wesak yang disambut penganut Buddha esok.

Beliau berkata, kejayaan yang dinikmati hari ini bukan suatu kebetulan sebaliknya ia adalah hasil daripada kesungguhan, kegigihan dan perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama.

Katanya, kejayaan itu juga tidak datang bergolek dengan mudah dan tanpa usaha.

"Saya telah banyak kali menegaskan bahawa kepelbagaian rakyat Malaysia adalah satu keunikan yang memberikan kekuatan untuk kita bersama dan semenjak sekian lama, Perlembagaan Malaysia telah memberi jaminan bahawa agama lain bebas dianuti walaupun Islam adalah agama rasmi.

"Malah hakikatnya kita menjadikan hari kebesaran agama sebagai cuti umum membuktikan penghargaan kita kepada kepelbagaian agama di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Abdullah berkata, tidak lama lagi negara akan merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke-50 dan walaupun usia 50 tahun itu bukanlah satu tempoh yang panjang, namun banyak yang telah dicapai terutama jika dibandingkan dengan negara lain yang seusia Malaysia.

Hari ini, kata beliau, negara dipandang sebagai sebuah negara contoh kerana rakyat Malaysia yang berbilang agama, budaya dan keturunan dapat hidup aman damai dan bersatu padu.

Sambil menyatakan rasa gembira melihat rakyat segenap kaum dan agama terus mendukung tradisi saling berkongsi dan menyayangi yang telah diamalkan selama ini, beliau meminta supaya keamanan dan kestabilan yang dinikmati itu terus dipupuk dan dipelihara.